

CNS2376
R GB 22-08 00138 CA773
bah
Nik Aziz

KOTA BAHARU , 22 Ogos (Bernama) -- Menteri Besar Kelantan, Haji Nik Aziz Nik Mat dalam pertemuannya dengan Perdana Menteri Dotuk Seri Dr Mahathir Mohamad dua minggu lalu telah menimbulkan secara umum masalah kewangan yang dihadapi oleh kerajaan negeri yang didokongi oleh gabungan PAS dan parti Semangat 46.

Beliau juga telah menyerahkan kepada para pegawai Jabatan Perdana Menteri senarai projek pembangunan yang memerlukan bantuan kerajaan pusat.

Dalam satu temubual dengan RTM hari ini, Haji Nik Aziz tidak menafikan bahawa kerajaan negeri menghadapi masalah kewangan dan memerlukan bantuan.

Katanya Datuk Seri Dr Mahathir menjelaskan bahawa kerajaan pusat mahu membantu negeri Kelantan tetapi pada peringkat awal terdapat

+gangguan-gangguan+ tertentu yang menyekatnya daripada berbuat demikian.

+Saya menganggap ini sebagai perkara biasa,+ kata Haji Nik Aziz. -- Lagi

♥22/08/15-54MST --

CNS2377
R GB 22-08 00146 BA774
bah
Nik Aziz 2 Kota Baharu

Beliau berkata antara projek yang memerlukan bantuan kerajaan pusat ialah pembinaan jalan persisiran (coastal road), pembesaran lapangan terbang Pengkalan Chepa dan penubuhan kampus cawangan Institut Teknologi Mara (ITM) di Machang.

Ditanya sama ada PAS mempunyai rancangan untuk bekerjasama dengan UMNO, Haji Nik Aziz berkata setakat ini tidak ada apa-apa rancangan ke arah itu.

+Kita tidak sampai lagi ke tahap itu. Pada masa depan ia mungkin boleh berlaku. Tak tahulah ... Wallahu'alam,+ kata beliau.

Haji Nik Aziz juga berkata beliau telah memberitahu sidang pengarang sidang rasmi PAS, Harakah, supaya mengurangkan kecaman-kecaman yang menyentuh peribadi.

+Masalah-masalah politik boleh diselesaikan tanpa menyentuh soal-soal peribadi,+ katanya.

Bagaimana pun beliau tidak menafikan bahawa kadangkala terdapat emosi yang terlalu tinggi +memandangkan sudah 30 tahun kita berada dalam keadaan sengit dan marah-marah+. -- Bernama

♥22/08/15-56MST